

Smart Health Care

APPLICABLE SHARIAH CONCEPTS

a) Tabarru'

This plan applies the Tabarru' (donation) concept, whereby the participant agrees to donate or contribute a specified portion from the contribution paid into the Participants' Risk Fund (PRF) for the purpose of mutual aid and assistance to the participants in case of need.

b) Wakalah

This plan also applies the Wakalah (agency) concept, whereby the participant appoints Us to act on behalf of the participant to invest and manage the Participants' Risk Fund (PRF). Wakalah fee is deducted from the contribution of each certificate. The participant also agrees to authorize Us to delegate Our rights, duties and obligations to any third party as We deem fit for the purpose of achieving the objective to invest and manage the PRF, provided that, in the event of any such delegation, We will remain liable and responsible for all such rights, duties and obligations towards the participant.

c) Participants' Risk Fund (PRF)

The contribution less the Wakalah fee will be paid into the Participants' Risk Fund (PRF). Surplus arising within the PRF makes allowance for contingency provisions and may be distributed according to the surplus policy approved by Our Shariah committee. 50% of any distributed surplus will be shared amongst the participants with in force certificates and who have not made any claim within the financial year. The remaining 50% to be paid to Us for operating and managing the PRF, based on the contract of Ju'alah. Ju'alah is a reward contract that specifies the share of the distribution of surplus on this basis.

The distributed surplus shared to participants is accumulated within a segregated fund. 85% of any investment profits on the segregated funds will be shared amongst the participants with in force certificates, and the remaining 15% to be paid to Us, based on the contract of Mudarabah. Mudarabah is a mutual contract between Us and the participant for the investment profit or losses. The segregated fund is paid on expiry of the certificate, or should the participant requests at any time prior to expiry of the certificate, provided that the amount requested is at least RM 500.

Smart Health Care

KONSEP-KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAKAN

a) Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana Peserta-peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada peserta-peserta, jika diperlukan.

b) Wakalah

Pelan ini menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana peserta-peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil. Peserta juga bersetuju untuk membenarkan Kami untuk mewakili hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap peserta.

c) Dana Risiko Peserta (DRP)

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan daripada DRP diperuntukan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak ganjaran yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan.

Perkongsian lebihan yang diagihkan kepada peserta adalah terkumpul dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan dana berasingan akan dikongsi di kalangan peserta-peserta, di mana sijilnya masih berkuat kuasa, dan baki 15% akan dibayar kepada Kami berasaskan kontrak Mudarabah. Mudarabah adalah kontrak persetujuan bersama di antara Kami dan peserta untuk keuntungan pelaburan atau kerugian. Dana berasingan tersebut akan dibayar pada tarikh tamat tempoh sijil, atau jika diminta oleh peserta pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh sijil dengan syarat amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.